



SIARAN MEDIA **KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

INISIATIF MOTAC DALAM MEMBANTU PENGGIAT INDUSTRI MELALUI GERAN SOKONGAN SEKTOR KEBUDAYAAN (GSSK) 2025

PUTRAJAYA, 21 OKTOBER 2025 – Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) 2025, permohonan dibuka pada 1 Januari 2025 hingga 30 November 2025 (sehingga tertakluk kepada kedudukan peruntukan semasa). Penganjuran program/aktiviti/acara bermula 28 Februari 2025 hingga 31 Disember 2025. Pelaksanaan program selepas 31 Disember 2025 adalah tidak dibenarkan.

Program/aktiviti/acara adalah tidak dibenarkan berlangsung sehingga pihak pemohon menerima Surat Setuju Terima (SST) daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Pengeluaran SST/pemeteraian kontrak perjanjian rasmi perlu dilaksanakan sebelum program/aktiviti/acara berlangsung bagi memastikan kawalan dalaman yang jelas dan telus dapat dilaksanakan dan mencegah daripada sebarang penyalahgunaan/ketirisan dalam pemberian geran serta selaras dengan peraturan kewangan sedia ada.

Sebarang maklumat lanjut berkaitan Garis Panduan Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) 2025 boleh dilayari melalui laman web <https://www.motac.gov.my> atau hubungi:

**Urus Setia Geran Sokongan Sektor Kebudayaan,
Bahagian Dasar Kebudayaan,
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC),
Aras 4, No.2, Menara 1,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 Putrajaya.
Tel : 03-8891 7372/7094/7537/7592
Talian utama/ Hotline : 018 - 3851 871
E-mel: gssk@motac.gov.my**

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181
Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my
Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac